


JPK.700-2/9/7(9)–Pindaan 1



**PANDUAN PENJANAAN & PENGESAHAN SIJIL ELEKTRONIK
(eCertificate)**

**DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN
MALAYSIA**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

1 JANUARI 2024

KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	3
1.1	TUJUAN	3
1.2	PENGENALAN	3
1.3	TEMPOH PENJANAAN SIJIL	4
2.0	TAFSIRAN	4
3.0	SENARAI RINGKASAN	5
4.0	SIJIL ELEKTRONIK	5
5.0	PROSES JANAAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI SISTEM MYSPIKE	6
6.0	PROSES SEMAKAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI SISTEM MYSPIKE	9
	LAMPIRAN A	11
i.	CARTA ALIR PROSES PENJANAAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI SISTEM MySPIKE	11
ii.	CARTA ALIR PROSES SEMAKAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI SISTEM MySPIKE	12

1.0 PENDAHULUAN

1.1 TUJUAN

Panduan Penjanaan & Pengesahan Sijil Elektronik (eCertificate) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “Panduan ini”) adalah bertujuan memberi panduan kepada awam dan pihak berkepentingan bagi penjanaan dan pengesahan Sijil Elektronik Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Panduan ini digunakan bagi pengeluaran sijil di bawah kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB), Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

1.2 PENGENALAN



Pelaksanaan Sijil Elektronik merupakan satu langkah proaktif yang diambil oleh Jabatan seiring dengan saranan kerajaan menuju ke arah Revolusi Industri IR 4.0.



Teknologi *blockchain* digunakan sebagai satu mekanisme pengesahan ketulenan Sijil. Teknologi ini adalah selamat, boleh disahkan, boleh diakses, diedarkan namun tidak boleh diubah serta kalis gangguan.



Penjanaan Sijil elektronik adalah melalui sistem MySPIKE.



Infrastruktur ICT bagi blockchain dikawalselia oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana



Penyimpanan Sijil Elektronik adalah secara maya dan memudahkan capaian data oleh semua *stakeholders* melalui pelbagai medium yang disediakan.

1.3 TEMPOH PENJANAAN SIJIL

Penjanaaan Sijil Elektronik SKM/DKM/DLKM/PC adalah dalam tempoh **empat belas (14) hari bekerja** selepas tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS). Status penjanaaan sijil juga boleh disemak melalui laman sesawang <https://www.myspike.my>.

2.0 TAFSIRAN

Dalam syarat dan panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“**Blockchain**” ertinya pangkalan data terdesentralisasi dan diedarkan yang disimpan dengan entri yang disulitkan;

“**Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia (MySPIKE)**” ertinya Sistem pangkalan data berpusat JPK yang menyimpan data SPKM;

“**Sijil**” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 34 Akta 652;

3.0 SENARAI RINGKASAN

DKM	-	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	-	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPPS	-	Jawatankuasa Pengesahan Pensijilan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)
PPT	-	Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
SPKM	-	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
SLaPB	-	Sistem Latihan Program Bertauliah
SLDN	-	Sistem Latihan Dual Nasional

4.0 SIJIL ELEKTRONIK


- 4.1 Dengan pelaksanaan sijil elektronik ini, tiada lagi penganugerahan sijil fizikal.
- 4.2 Sijil elektronik untuk persijilan SPKM dibangunkan melalui Modul Sijil Elektronik dalam MySPIKE. Modul ini meliputi dua (2) perkara berikut :
 - a. Janaan Sijil Elektronik
 - b. Pengesahan Sijil
- 4.3 Sijil elektronik boleh diakses melalui sistem MySPIKE.
- 4.4 Majikan, agensi atau pengguna berkaitan boleh mengesahkan sijil melalui Sistem MySpike.
- 4.5 Sijil Elektronik hanya boleh dicetak atas kertas bersaiz A4 dan berwarna putih sahaja.
- 4.6 Sijil Elektronik tidak boleh dipinda atau diubahsuai.

5.0 PROSES JANAAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI SISTEM MYSPIKE

01

LANGKAH 1

- i. Masuk ke laman web <https://www.myspike.my>.
- ii. Klik pada butang menu **Login**



02

LANGKAH 2

- i. Daftar **Pengguna Baru** (Jika belum berdaftar)
- ii. Masukkan **ID Pengguna** dan **Kata Laluan**
- iii. Klik butang **Daftar Masuk**



03

LANGKAH 3


Klik pada menu **Pengguna**



04

LANGKAH 4

- i. Klik pada menu **Profil**
- ii. Senarai **Maklumat Sijil/ Diploma/ Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (Termasuk VTO/E/M)** akan dipaparkan



05

LANGKAH 5

Klik pada menu **Cetak Sijil** untuk menjana Sijil Elektronik

Maklumat Sijil / Diploma /Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (Termasuk VTO/E/M)

Mohon Pembetulan Sijil

Senarai SKM

Memaparkan 1-6 daripada 6 items.

Bil	Nama Program [Kod Program]	Tarikh Sijil	No. Sijil Lama	No. Siri Sijil Baru (Sistem)	Pusat Bertauliah [Kod Pusat]	Jenis Tauliah	Sijil Elektronik
1	Pembangunan Rekabentuk & Pengaturcaraan Pemesinan [C259-006-4:2020]	07-12-2023	0	S303015665	[0]	PPT	Cetak Sijil
2	PENGAJARAN TVET [P853-002-4:2021]	08-05-2023	0	S302770020	[0]	PPT	Cetak Sijil
3	Pembuat Perkakasan – Acuan Suntikan Plastik [H-097-2]	24-11-2010	A318261	S102125941	PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) [K01011]	SLaPB	Cetak Sijil
4	Pegawai Latihan Vokasional [I-031-3]	12-09-2011	A427790	S101105509	PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) [K01011]		Cetak Sijil
5	Pemesin Am [H-017-1]	06-09-2010	A279897	S101013885	PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) [K01011]		Cetak Sijil

06

LANGKAH 6

Sijil Elektronik akan dipaparkan dan boleh dimuat turun dalam format PDF.

Paparan **Sijil Elektronik (eCertificate)** adalah seperti berikut:



Versi Bahasa Melayu



Versi Bahasa Inggeris

6.0 PROSES SEMAKAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI SISTEM MYSPIKE

01

LANGKAH 1

- i. Masuk ke laman web <https://www.myspike.my>.
- ii. Pilih menu **Platform Awam**.



02

LANGKAH 2


- i. Pilih menu **Rekod Persijilan Kemahiran Malaysia**
- ii. Tekan butang menu **Semakan Sijil/Diploma/Diploma Lanjutan.**



03

LANGKAH 3

- i. Masukkan **No Kad Pengenalan** tanpa tanda (-)
- ii. Tekan butang **SEMAK SKM.**



04

LANGKAH 4

- i. Maklumat Sijil calon akan dipaparkan bagi tujuan pengesahan


Semakan SKM

Memaparkan 1-1 daripada 1 item.


Bil	No Kad Pengenalan	Nama	Jantina	Kod Kaum	Kod Program	Tahap	Tarikh PPL	Tarikh Sijil	No Sijil	No. Siri Sijil Baru (Sistem)	Tarikh POS	No. Tracking POS	Nama Pusat Bertauliah	Jenis Tauliah
1	94	KOGILA A/P	Perempuan	INDIA	IT-020-2	Tahap Dua	122012	04-01-2013	A5	S102			KOLEJ TEKNOLOGI	Blasa

LAMPIRAN A

i. CARTA ALIR PROSES PENJANAAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI SISTEM MySPIKE



ii. CARTA ALIR PROSES SEMAKAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI SISTEM MySPIKE



1. Masuk ke laman web <https://www.myspike.my> dan pilih **PLATFORM AWAM**.
2. Pilih menu **REKOD PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA** & klik menu **SEMAKAN SIJIL/DIPLOMA/DIPLOMA LANJUTAN**.
3. Pengguna dikehendaki memasukkan **No. Kad Pengenalan** dan tekan butang **SEMAK SKM**.
4. Maklumat Sijil calon akan dipaparkan bagi tujuan pengesahan